

**KESAN HUBUNGAN PERDAGANGAN MALAYSIA -
INDONESIA ERA KONFRONTASI,
1963-1970**

NOOR ERMA BINTI ABDULLAH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2016

**KESAN HUBUNGAN PERDAGANGAN MALAYSIA -
INDONESIA ERA KONFRONTASI,
1963-1970**

oleh

NOOR ERMA BINTI ABDULLAH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

Februari 2016

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan rahmatnya penulisan tesis ini berjaya disiapkan. Sungguhpun satu masa yang panjang namun dengan keizinannya segala halangan dan kepayahan dapat ditempuhi.

Kesempatan ini saya mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Nazarudin Zainun selaku penyelia utama yang telah banyak meluangkan masa memberi pandangan, tunjuk ajar, panduan sehingga penulisan ini berjaya disiapkan. Terima kasih tidak terhingga di atas masa keprihatinan dan bimbingan tidak jemu-jemu yang diberikan. Jasamu tidak mampu dibalas.

Ucapan terima kasih juga kepada semua pensyarah Bahagian Sejarah, Universiti Sains Malaysia yang telah banyak membantu dalam penulisan tesis ini. Terima kasih di atas nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan. Tidak dilupakan juga kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia, kakitangan Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, pegawai-pegawai Arkib Negara, Malaysia yang telah banyak membantu dalam usaha mendapatkan data dan keprihatinan yang diberikan.

Teristimewa saya titipkan ucapan terima kasih kepada ayahanda dan ibunda tercinta Abdullah dan Mahasa kerana sentiasa memberi semangat serta doa yang tidak putus-putus sepanjang saya menyiapkan penulisan tesis ini. Begitu juga kepada suami tercinta Syah Mohd Amin, terima kasih di atas dorongan, pengorbanan, kesungguhan dan nasihat membina yang telah diberikan. Jasa mu tidak dapat dibalas dengan wang ringgit. Tidak dilupakan juga kepada seluruh ahli keluarga Mohd Najri, Noorjorieyanti, Noorjoriana, Mohd Sobri dan Nur Fasihah di atas segala bantuan

kalian dalam menyempurnakan penulisan ini. Terima kasih kerana selalu ada untuk memberi motivasi.

Buat Dr. Jeffrey Abdullah terima kasih di atas tunjuk ajar, bimbingan dan sokongan kewangan dengan memberikan skim Siswazah Pembantu selama penulisan tesis ini. Seterusnya tidak dilupakan kepada sahabat-sahabat handai yang telah banyak membantu terutamanya Hirdawati Abdul Rahman, Azwan Hashim, Shyeh Sahibul Karamah Masnan serta seluruh rakan seperjuangan, jasa kalian akan saya kenang sampai bila-bila.

Akhir kata jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penulisan ini. Budi baik kalian hanya Allah yang mampu membalasnya. Diharapkan kajian ini menjadi panduan kepada peminat sejarah dan masyarakat sejarawan khususnya dan masyarakat umum amnya.

*Noor Erma Binti Abdullah
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia.
Februari 2016*

ISI KANDUNGAN

	halaman
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iv
Senarai Graf	x
Senarai Jadual	xii
Daftar Singkatan	xiv
Abstrak	xvii
Abstract	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Kajian Lalu.....	11
1.3 Permasalahan Kajian.....	22
1.4 Objektif Kajian	23
1.5 Signifikan Kajian.....	24
1.6 Skop Kajian.....	24
1.7 Metodologi Kajian.....	25
1.8 Fokus dan Struktur Bab.....	27
BAB 2 MALAYSIA DAN INDONESIA SEBELUM KONFRONTASI	29
2.1 Pendahuluan.....	29
2.2 Dasar Luar Negara Malaysia-Indonesia.....	31
2.2.1 Dasar luar negara Malaysia.....	31
2.2.2 Dasar luar negara Indonesia.....	36

2.3	Konfrontasi	44
2.3.1	Faktor-faktor terdusunya konfrontasi	44
2.4	Keadaan Ekonomi Malaysia-Indonesia Sebelum Konfrontasi	53
2.4.1	Ekonomi Malaysia	55
2.4.2	Ekonomi Indonesia.....	59
2.5	Hubungan Dagangan Malaysia-Indonesia Sebelum Konfrontasi.....	83
2.6	Statistik Eksport Import Malaysia Sebelum Konfrontasi.....	87
2.6.1	Statistik eksport Malaysia	87
2.6.2	Statistik import Malaysia	93
2.6.3	Imbangan dagangan Malaysia.....	97
2.7	Statistik Eksport Import Malaysia dengan Indonesia Sebelum Konfrontasi.....	99
2.7.1	Statistik eksport Malaysia dengan Indonesia	100
2.7.2	Jenis barangan eksport Malaysia dengan Indonesia.....	104
2.7.2.1	Kategori makanan.....	104
2.7.2.2	Kategori bahan mentah.....	106
2.7.2.3	Kategori barangan pembuatan.....	108
2.7.2.4	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	110
2.7.2.5	Kategori Pelbagai Urus Niaga.....	112
2.7.3	Statistik import Malaysia dengan Indonesia.....	113
2.7.4	Jenis barangan import Malaysia dengan Indonesia.....	115
2.7.4.1	Kategori makanan.....	115
2.7.4.2	Kategori bahan mentah.....	118
2.7.4.3	Kategori barangan pembuatan.....	120
2.7.4.4	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	122
2.7.4.5	Kategori pelbagai urus niaga.....	123

2.7.5	Imbangan dagangan Malaysia dengan Indonesia.....	124
BAB 3	MALAYSIA DAN INDONESIA SEMASA KONFRONTASI.....	127
3.1	Sejarah Konfrontasi.....	127
3.1.1	Penerimaan dan penolakan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia.....	132
3.1.2	Perspektif konfrontasi Malaysia-Indonesia.....	143
3.2	Dasar Ekonomi Malaysia-Indonesia	149
3.2.1	Dasar ekonomi Malaysia.....	149
3.2.2	Dasar ekonomi Indonesia.....	153
3.3	Pencerobohan Indonesia ke atas wilayah Malaysia	155
3.4	Keadaan ekonomi Malaysia-Indonesia Semasa Konfrontasi.....	165
3.4.1	Ekonomi Malaysia	165
3.4.2	Ekonomi Indonesia.....	172
3.5	Hubungan Dagangan Malaysia-Indonesia Semasa Konfrontasi.....	182
3.6	Statistik Eksport Import Malaysia Semasa Konfrontasi	188
3.6.1	Statistik eksport Malaysia	188
3.6.2	Statistik import Malaysia	193
3.6.3	Imbangan dagangan Malaysia.....	198
3.7	Statistik Eksport Import Malaysia dengan Indonesia Semasa Konfrontasi.....	201
3.7.1	Statistik eksport Malaysia dengan Indonesia	201
3.7.2	Jenis barangan eksport Malaysia dengan Indonesia.....	205
3.7.2.1	Kategori makanan.....	205
3.7.2.2	Kategori bahan mentah.....	208
3.7.2.3	Kategori barangan pembuatan.....	210

3.7.2.4	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	213
3.7.2.5	Kategori pelbagai urus niaga.....	215
3.7.3	Statistik import Malaysia dengan Indonesia	216
3.7.4	Jenis barangan import Malaysia dengan Indonesia.....	221
3.7.4.1	Kategori makanan.....	221
3.7.4.2	Kategori bahan mentah.....	223
3.7.4.3	Kategori barangan pembuatan.....	225
3.7.4.4	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	227
3.7.4.5	Kategori pelbagai urus niaga.....	227
3.7.5	Imbangan dagangan Malaysia dengan Indonesia.....	228
3.8	Statistik Eksport Import Indonesia dengan Malaysia Semasa Konfrontasi	231
3.8.1	Statistik eksport Indonesia dengan Malaysia	231
3.8.2	Jenis barangan eksport Indonesia dengan Malaysia.....	235
3.8.2.1	Kategori makanan.....	235
3.8.2.2	Kategori bahan mentah.....	237
3.8.2.3	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	239
3.8.2.4	Kategori pelbagai urus niaga.....	240
3.8.3	Statistik import Indonesia dengan Malaysia	241
3.8.4	Jenis barangan import Indonesia dengan Malaysia.....	245
3.8.4.1	Kategori makanan.....	245
3.8.4.2	Kategori bahan mentah.....	248
3.8.4.3	Kategori barangan pembuatan.....	250
3.8.4.4	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	251
3.8.4.5	Kategori pelbagai urus niaga.....	253
3.8.5	Imbangan dagangan Indonesia dengan Malaysia.....	254

BAB 4 PEMULIHAN HUBUNGAN DAN KESAN KONFRONTASI.....	260
4.1 Nomalisasi.....	260
4.2 Suharto dalam Perubahan Pemerintahan.....	267
4.3 Keadaan Ekonomi Malaysia dengan Indonesia Selepas Konfrontasi.....	272
4.3.1 Ekonomi Malaysia.....	273
4.3.2 Ekonomi Indonesia.....	275
4.4 Hubungan Dagangan Malaysia-Indonesia Selepas Konfrontasi.....	278
4.5 Statistik Eksport Import Malaysia Selepas Konfrontasi	282
4.5.1 Statistik eksport Malaysia	282
4.5.2 Statistik Import Malaysia	286
4.5.3 Imbangan dagangan Malaysia.....	290
4.6 Statistik Eksport Import Malaysia dengan Indonesia Selepas Konfrontasi	292
4.6.1 Statistik eksport Malaysia dengan Indonesia	293
4.6.2 Jenis barangan eksport Malaysia dengan Indonesia.....	297
4.6.2.1 Kategori makanan.....	297
4.6.2.2 Kategori bahan mentah.....	300
4.6.2.3 Kategori barangan pembuatan.....	302
4.6.2.4 Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	305
4.6.2.5 Kategori pelbagai urus niaga.....	306
4.6.3 Statistik Import Malaysia dengan Indonesia	307
4.6.4 Jenis barangan import Malaysia dengan Indonesia.....	312
4.6.4.1 Kategori makanan.....	312
4.6.4.2 Kategori bahan mentah.....	313
4.6.4.3 Kategori barangan pembuatan.....	315

4.6.4.4	Kategori jentera dan kelengkapan pengangkutan.....	317
4.6.4.5	Kategori pelbagai urus niaga.....	319
4.6.5	Imbangan dagangan Malaysia dengan Indonesia.....	320
4.7	Analisis Keseluruhan Eksport Import Malaysia dengan Indonesia Sebelum, Semasa dan Selepas Konfrontasi	322
4.7.1	Imbangan Dagangan Malaysia dengan Indonesia 1960-1970	323
4.8	Kesan Konfrontasi Ekonomi terhadap Malaysia-Indonesia	328
4.8.1	Krisis ekonomi	328
4.8.2	Pemutusan hubungan dengan negara luar	330
4.8.3	Terhapusnya pengaruh Komunis	331
4.8.4	Rasuah dan penyeludupan.....	333
4.8.5	Lambakan barangan eksport	335
4.8.6	Pengangguran.....	336
BAB 5 KESIMPULAN.....		338
BIBLIOGRAFI.....		346

SENARAI GRAF

		halaman
Graf 2.1	Eksport Malaysia Sebelum Konfrontasi	88
Graf 2.2	Import Malaysia Sebelum Konfrontasi	94
Graf 2.3	Imbangan Dagangan Malaysia Sebelum Konfrontasi	98
Graf 2.4	Eksport Malaysia dengan Indonesia Sebelum Konfrontasi	101
Graf 2.5	Import Malaysia dengan Indonesia Sebelum Konfrontasi	114
Graf 2.6	Imbangan Dagangan Malaysia dengan Indonesia Sebelum Konfrontasi	125
Graf 3.1	Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia 1963-1966	170
Graf 3.2	Import beras Indonesia sekitar 1960-1970	174
Graf 3.3	Penggunaan Per Kapita Beras Indonesia Sekitar 1960-1970	175
Graf 3.4	Harga Bahan Mentah di Indonesia Sekitar 1960-1970	176
Graf 3.5	Pertumbuhan KNK per kapita Indonesia 1960-1966	180
Graf 3.6	Eksport Malaysia Semasa Konfrontasi	189
Graf 3.7	Import Malaysia Semasa Konfrontasi	194
Graf 3.8	Imbangan Dagangan Semasa Konfrontasi	199
Graf 3.9	Eksport Malaysia dengan Indonesia Semasa Konfrontasi	202
Graf 3.10	Import Malaysia dengan Indonesia Semasa Konfrontasi	217
Graf 3.11	Imbangan Dagangan Malaysia dengan Indonesia Semasa Konfrontasi	229
Graf 3.12	Eksport Indonesia dengan Malaysia Semasa Konfrontasi	232
Graf 3.13	Import Indonesia dengan Malaysia Semasa Konfrontasi	242
Graf 3.14	Imbangan Dagangan Indonesia Semasa Konfrontasi	255

Graf 4.1	Eksport Import Indonesia dengan Malaysia 1966-1970	281
Graf 4.2	Eksport Malaysia Selepas Konfrontasi	283
Graf 4.3	Import Malaysia Selepas Konfrontasi	288
Graf 4.4	Imbangan Dagangan Malaysia Selepas Konfrontasi	291
Graf 4.5	Eksport Malaysia dengan Indonesia Selepas Konfrontasi	294
Graf 4.6	Import Malaysia dengan Indonesia Selepas Konfrontasi	308
Graf 4.7	Imbangan Dagangan Malaysia dengan Indonesia Selepas Konfrontasi	321
Graf 4.8	Imbangan Dagangan Malaysia 1960-1970	324
Graf 4.9	Imbangan Dagangan Malaysia dengan Indonesia 1960-1970	324

SENARAI JADUAL

		halaman
Jadual 2.1	Eksport Kategori Makanan Sebelum Konfrontasi	105
Jadual 2.2	Eksport Kategori Bahan Mentah Sebelum Konfrontasi	107
Jadual 2.3	Eksport Kategori Barangan Pembuatan Sebelum Konfrontasi	109
Jadual 2.4	Eksport Kategori Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Sebelum Konfrontasi	111
Jadual 2.5	Eksport Kategori Pelbagai Urus Niaga Sebelum Konfrontasi	112
Jadual 2.6	Import Kategori Makanan Sebelum Konfrontasi	116
Jadual 2.7	Import Kategori Bahan Mentah Sebelum Konfrontasi	118
Jadual 2.8	Import Kategori Barangan Pembuatan Sebelum Konfrontasi	121
Jadual 2.9	Import Kategori Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Sebelum Konfrontasi	122
Jadual 2.10	Import Kategori Pelbagai Urus Niaga Sebelum Konfrontasi	123
Jadual 3.1	Eksport Kategori Makanan Semasa Konfrontasi	206
Jadual 3.2	Eksport Kategori Bahan Mentah Semasa Konfrontasi	209
Jadual 3.3	Eksport Kategori Barangan Pembuatan Semasa Konfrontasi	211
Jadual 3.4	Eksport Kategori Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Semasa Konfrontasi	214
Jadual 3.5	Eksport Kategori Pelbagai Urus Niaga Semasa Konfrontasi	215
Jadual 3.6	Import Kategori Makanan Semasa Konfrontasi	221
Jadual 3.7	Import Kategori Bahan Mentah Semasa Konfrontasi	223
Jadual 3.8	Import Kategori Barangan Pembuatan Semasa Konfrontasi	226
Jadual 3.9	Import Kategori Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Semasa Konfrontasi	227
Jadual 3.10	Import Kategori Pelbagai Urus Niaga Semasa Konfrontasi	228

Jadual 3.11	Eksport Kategori Makanan Semasa Konfrontasi	236
Jadual 3.12	Eksport Kategori Bahan Mentah Semasa Konfrontasi	238
Jadual 3.13	Eksport Kategori Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Semasa Konfrontasi	239
Jadual 3.14	Eksport Kategori Pelbagai Urus Niaga Semasa Konfrontasi	240
Jadual 3.15	Import Kategori Makanan Semasa Konfrontasi (Indonesia-Malaysia)	246
Jadual 3.16	Import Kategori Bahan Mentah Semasa Konfrontasi (Indonesia-Malaysia)	248
Jadual 3.17	Import Kategori Barangan Pembuatan Semasa Konfrontasi (Indonesia-Malaysia)	250
Jadual 3.18	Import Kategori Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Semasa Konfrontasi (Indonesia-Malaysia)	252
Jadual 3.19	Import Kategori Pelbagai Urus Niaga Semasa Konfrontasi (Indonesia-Malaysia)	253
Jadual 4.1	Eksport Kategori Makanan Selepas Konfrontasi	298
Jadual 4.2	Eksport Kategori Bahan Mentah Selepas Konfrontasi	301
Jadual 4.3	Eksport Kategori Barangan Pembuatan Selepas Konfrontasi	302
Jadual 4.4	Eksport Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Selepas Konfrontasi	305
Jadual 4.5	Eksport Kategori Pelbagai Urus Niaga Selepas Konfrontasi	307
Jadual 4.6	Import Kategori Makanan Selepas Konfrontasi	312
Jadual 4.7	Import Kategori Bahan Mentah Selepas Konfrontasi	314
Jadual 4.8	Import Barangan Pembuatan Selepas Konfrontasi	316
Jadual 4.9	Import Jentera dan Kelengkapan Pengangkutan Selepas Konfrontasi	318
Jadual 4.10	Import Kategori Pelbagai Urus Niaga Selepas Konfrontasi	319

DAFTAR SINGKATAN

AGF	<i>Asian Games Federation</i>
AMDA	<i>Anglo-Malaya Defence Agreement</i>
AMPERA	Amanat Penderitaan Rakyat
ANRI	Arsip Nasional Republik Indonesia
ASA	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
ASEAN	Thailand, Indonesia, Filipina dan Singapura
BAT	<i>British American Tobacco</i>
Bimas	Program Bimbingan Massa
BPN	Biro Perencanaan Nasional
CIA	<i>Central Intelligence Agency</i>
Dekon	Deklarasi Ekonomi
Dwikora	Dwi Komando Rakyat
ECAFE	<i>United Nations Economic Commission For Asia and Far East</i>
ESEMAR	Getah Mutu Negara
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Awam
FIDA	Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan
<i>GESTAPU</i>	Peristiwa 30 September 1965
GNP	<i>Gross National Product</i>
IBRD	<i>Internasional Bank of Reconstruction and Development</i>
IMF	<i>International Monetary Fund</i>
KAMI	<i>Indonesian Student Front</i>
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
KMB	Persidangan Meja Bulat

KNK	Keluaran Negara Kasar
Koga	Komando Siaga
Kolaga	Komando Mandala Siaga
KOSTRAD	Komando Strategi Angkatan Darat
KOTI	Komando Operasi Tertinggi
KOTOE	Komando Tertinggi Operasi Ekonomi
KP4BS	Komando Pelaksana Pembangunan Projek Pelabuhan Bebas Sabang
MAPHILINDO	Malaysia, Filipina dan Indonesia
MIDF	Kewangan Pembangunan Perindustrian Malaysia
MPR	Majelis Permusyawaratan Rakyat
MPSF	Barisan Sosialis Rakyat Malaysia
MSCC	<i>Malaysia Solidarity Consultative Committee</i>
NASAKOM	Nasionalis, Agama dan Komunis
NCP	Parti Perhimpunan Kebangsaan
NEFOS	<i>New Emerging Forces</i>
OLDEFOS	<i>Old Established Forces</i>
PARAN	Panitia Retooling Aparatur Negara
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PERMESTA	Perjuangan Semesta
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PRRI	Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia
RAMD	Rejimen Askar Melayu Diraja
RM1	Rancangan Malaysia Pertama

RMK	Rancangan Malaya Kedua
RMP	Rancangan Malaya Pertama
RRC	Republik Rakyat China
SEATO	<i>South East Asia Treaty Organization</i>
SIS	Rahsia Perkhidmatan Perisikan
SMR	Standard Malaysia Rubber
Taspen	Tabung Insuran Pegawai Negeri
TNI	Tentera Nasional Indonesia
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UNKO	Pertubuhan Kebangsaan Kadazan Bersatu
UPKO	Pertubuhan Bersatu Pasok-Momogun Kadazan
USDA	Jabatan Pertanian Amerika Syarikat
ZOPFAN	<i>Zone Of Peace, Freedom And Neutrality</i>

KESAN HUBUNGAN PERDAGANGAN MALAYSIA – INDONESIA

ERA KONFRONTASI, 1963-1970

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji mengenai hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia semasa era konfrontasi, 1963-1970. Konflik mulai timbul setelah penubuhan Malaysia disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia pertama. Sukarno telah menolak penubuhan Malaysia sehingga mencetuskan konfrontasi bukan sahaja dalam aspek politik dan ketenteraan malahan ekonomi. Objektif kajian ini adalah melihat dan menghuraikan hubungan perdagangan semasa konfrontasi dari aspek ekonomi sama ada rancak berlangsung, terhenti ataupun berkesinambungan. Selain itu, kajian juga bertujuan melihat pola konfrontasi ekonomi sama ada menyerupai pola politik dan ketenteraan ataupun mempunyai polanya yang tersendiri. Akhir sekali tesis ini akan menganalisis kesan konfrontasi yang dialami oleh kedua-dua buah negara. Selain itu, tesis ini cuba menguji sejauh manakah surat perintah sekatan perdagangan Komando Tertinggi Operasi Ekonomi (KOTOE) yang dikeluarkan oleh Sukarno terhadap Malaysia dipatuhi dan bagaimana hubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara? Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif berdasarkan sumber pertama dan kedua yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur; Arsip Nasional Republik Indonesia (ANRI), Jakarta; Jabatan Perangkaan Malaysia; Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia; Perpustakaan Universiti Malaya dan Perpustakaan Universiti Putra Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan semasa konfrontasi hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia masih lagi berlangsung meskipun dalam skala yang kecil, tidak pernah terhenti malahan berkesinambungan sebelum, semasa dan selepas konfrontasi.

**THE EFFECT OF TRADE RELATIONS MALAYSIA - INDONESIA
DURING CONFRONTATION ERA, 1963-1970**

ABSTRACT

This thesis examines the Malaysia-Indonesia trade relation during the confrontation era in 1963-1970. Conflict arose after the establishment of Malaysia by Tunku Abdul Rahman, the first Prime Minister of Malaysia. Sukarno rejected this establishment, resulting in the confrontation on the political, military and economical domain. The objective of this study is to observe and elucidate the momentum of trade relations from economic perspective during the course of confrontation. In addition, this research will observe the individual pattern of economic confrontation and its parallelity with military or politics, and analyse its effect on the two countries. This thesis will also examine the effectiveness of the official letter by Sukarno through the Komando Tertinggi Operasi Ekonomi (KOTOE) for economic sanctions against Malaysia. Did it have a big impact on bilateral trade between both countries? This study used a descriptive approach to analyse chronological events, based on the primary and secondary sources acquired from the National Archives of Malaysia, Kuala Lumpur; Archives National of the Republic of Indonesia (ANRI), Indonesia; Department of Statistics Malaysia, Kuala Lumpur; Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia, Penang; library of Universiti Malaya and Universiti Putra Malaysia. The results show that trade relations between the two countries has never ceased, but sustainably continued on a smaller scale before, during and after the confrontation era.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penulisan mengenai konfrontasi Malaysia-Indonesia sememangnya telah banyak diperkatakan oleh para sarjana, buktinya dengan terhasil tulisan berbentuk buku, latihan ilmiah, tesis dan pelbagai kajian lain yang terdapat sehingga hari ini. Namun begitu, kajian ini tidak berhasrat untuk mengulangi mahupun membincangkan semula perkara tersebut namun berusaha melihat beberapa sudut pandang yang berbeza terutama sekali berkaitan hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia sebelum, semasa dan selepas konfrontasi. Hasil penelitian mengenai konfrontasi mendapati kebanyakan sarjana hanya memberi tumpuan kepada kajian politik dan ketenteraan berbanding ekonomi, sedangkan diketahui konfrontasi yang dilancarkan oleh Sukarno,¹ Presiden Indonesia pada ketika itu adalah menyeluruh melibatkan aspek politik, ketenteraan dan juga ekonomi. Mungkin kebanyakan sarjana terlepas pandang terhadap aspek yang ketiga ini. Jadi tidak hairanlah hampir

¹ Sukarno dilahirkan pada 6 Jun 1901 dan merupakan anak kelahiran Surabaya. Beliau meninggal dunia pada 21 Jun 1970 dalam usia 69 tahun. Beliau juga merupakan Presiden Pertama Indonesia yang bermula 1945-1966. Beliau merupakan seorang yang memainkan peranan penting di Indonesia dan merupakan pengasas Pancasila dan pencetus kepada dasar negara Indonesia. Beliau telah menandatangani Surat Perintah pada 11 Mac 1966 (Supersemar) dan bertanggungjawab untuk menugaskan Jeneral Suharto untuk menjaga keamanan negara dan institusi kepresidenan. Pada 1967 Sukarno telah dilucutkan jawatan sebagai presiden dalam Majlis Permusyawaratan Rakyat Sementara (MPRS) dan telah melantik Suharto menggantikan Sukarno sebagai Presiden Indonesia yang kedua. Semasa zaman penjajahan Belanda nama Sukarno telah dieja dengan menggunakan huruf 'oe' manakala selepas Indonesia mencapai kemerdekaan huruf tersebut telah ditukarkan dengan huruf 'u' mengikut di atas permintaan Sukarno sendiri namun bagi tandatangan Sukarno masih menggunakan 'oe'. Justeru dalam penulisan ini nama 'u' digunakan walaupun banyak penulisan menggunakan 'oe' diterima pakai sebelum Indonesia mencapai kemerdekaan. Penggunaan 'u' juga bagi mengelakkan sebarang kekeliruan kepada pembaca, lihat dalam Giebels Lambert, 2001, *Soekarno Biografi 1901-1950*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Widiasarana Indonesia.

tiada sebarang kajian khusus mengenai konfrontasi ekonomi yang disentuh oleh mereka. Justeru bagi melengkapkan kekurangan yang sedia ada ini, satu kajian mengenai konfrontasi ekonomi harus dilaksanakan meskipun ada sesetengah pihak tidak menggalakkan isu konfrontasi Malaysia-Indonesia² diperkatakan kerana dikhuatiri boleh menyebabkan sejarah lama kembali terungkap.

Menurut *Kamus Dewan* konfrontasi boleh ditakrifkan sebagai persemukaan (keadaan saling berhadapan) antara dua orang (pihak, negeri dan lain-lain) yang bertentangan (perselisihan, bermusuh) atau pertentangan (permusuhan) secara langsung yang menyebabkan orang atau pihak terlibat menghadapi kemungkinan berlakunya pergaduhan (peperangan).³ Menurut kajian yang dilakukan oleh Abdul Jabar Mohd Ridi beliau mendefinisikan konfrontasi sebagai suatu bentuk konflik atau persengketaan antara dua negara atau lebih yang menggunakan segala cara kecuali perang terbuka.⁴ Manakala menurut Douglas Hyde dalam "*Confrontation A Background Book In The East,*" konfrontasi merupakan satu bentuk konflik yang pahit, tiada tolak ansur dan berbahaya serta pertelagahan bentuk baharu antara negara tetapi konfrontasi bukanlah pertelagahan sempadan dan bukan juga perselisihan dua puak daripada keturunan yang berbeza.⁵ Menurut Jan M. Pluvier, konfrontasi yang berlaku tidak bertujuan mengambil mana-mana wilayah Malaysia tetapi bertujuan untuk mengelak daripada berlakunya revolusi sosial di Indonesia.⁶ Manakala menurut Mukmin, beliau mentakrifkan konfrontasi sebagai permusuhan antara dua

² Pada 1953-1960 Malaysia dikenali dengan nama Persekutuan Tanah Melayu, pada 1960-1962 nama Malaysia diubah kepada Semenanjung Malaysia manakala pada 1963 sehingga sekarang dikenali dengan nama Malaysia di bawah gabungan Sarawak dan Borneo Utara (Sabah). Jadi dalam penulisan ini perkataan 'Malaysia' akan digunakan.

³ *Kamus Dewan, 2005, Edisi ke-3*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 699.

⁴ Abdul Jabar Mohamad Ridi, 1995, "Konfrontasi Republik Indonesia (R. I)-Malaysia 1963-1966: Studi Awal Terhadap Konfrontasi Ekonomi dan Dampaknya", *Tesis Sarjana* (tidak diterbitkan), Fakultas Sastra, Universitas Indonesia, hlm. 7.

⁵ Syed Othman Syed Omar, 1999, *Tentera Malaysia dalam Era Konfrontasi*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 18-9.

⁶ Syed Othman Syed Omar, *Tentera Malaysia dalam Era Konfrontasi*, hlm. 19.

pihak atau lebih yang berbeza kepentingan dan tujuan dalam mencapai matlamat negara.⁷ Manakala menurut Markie konfrontasi ialah sesuatu yang terhad tetapi terdapat tekanan ketenteraan dan serangan propaganda yang lantang dan diplomasi berliku-liku.⁸

Konfrontasi Malaysia-Indonesia boleh dilihat dalam tiga aspek iaitu konfrontasi politik, konfrontasi ketenteraan dan konfrontasi ekonomi. Konfrontasi politik dapat diertikan sebagai perselisihan dan pertelagahan antara dua pihak yang mempunyai dasar atau haluan pemerintahan yang berbeza sehingga akhirnya mencetuskan pergaduhan. Konfrontasi ketenteraan pula bermaksud mereka yang telah ditugaskan untuk berperang bagi mempertahankan negara iaitu perjanjian yang melibatkan masalah politik. Manakala konfrontasi ekonomi ialah sekatan terhadap semua bidang yang melibatkan ekonomi bagi kedua-dua buah negara. Menurut Abdul Jabar Mohd Ridi, beliau mentafsirkan konfrontasi ekonomi ialah keadaan saling berhadapan antara dua kekuatan atau negara di bidang ekonomi.⁹ Justeru konfrontasi ekonomi bolehlah dirumuskan sebagai konflik antara dua pihak yang bermusuhan akibat daripada perbezaan dasar dan kepentingan, lantang serta tiada tolak ansur sehingga boleh menjejaskan hubungan ekonomi kedua-dua buah negara. Jadi definisi konfrontasi ekonomi inilah yang digunakan sepanjang penulisan tesis.

Meninjau kepada hubungan Malaysia-Indonesia sebelum berlakunya konfrontasi nyata sekali berlangsung sangat baik dan erat malah diibaratkan seperti 'adik' dan 'abang'. Hubungan ini bertambah istimewa apabila kedua-dua negara

⁷ Sudrajat, Solehudin Indra, 2011, "Politik Luar Negeri Indonesia Terhadap Pembentukan Negara Federasi Malaysia dan Dampaknya Bagi Hubungan Indonesia-Amerika Syarikat Tahun 1961-1963", *Tesis Sarjana* (tidak diterbitkan), Universitas Pendidikan Indonesia, hlm. 58.

⁸ James Llewelyn, 2005, "Japan Diplomatic Response to Indonesia Policy of Confronting Malaysia (Konfrontasi) 1963-1966", *Departmental Bulletin Paper: Kobe University Law Review* Vol. 39: 39-68, hlm. 42.

⁹ Abdul Jabar Mohamad Ridi, "Konfrontasi Republik Indonesia (R.I)- Malaysia 1963-1966", hlm. 7-8.

mempunyai pelbagai persamaan dan sering dikaitkan dengan rumpun bangsa yang sama, mempunyai identiti yang jelas dalam budaya, agama serta kedudukan geopolitik yang berdekatan¹⁰ malahan turut aktif dalam arena politik antarabangsa serta kerjasama serantau.¹¹

“Bahawasanya tidaklah dapat disangkal oleh dunia akan perhubungan antarabangsa Melayu dengan bangsa Indonesia yang mana pada satu masa kita dikenali sebagai satu bangsa yang mendiami Gugusan Pulau-pulau Melayu...Sungguhpun kita bercerai di satu babak tapi bersatu yang lain iaitu babak kebudayaan.”¹²

Sebenarnya pelbagai usaha dijalankan oleh Malaysia bagi mengeratkan tali persahabatan antara kedua-dua negara. Dasar hormat menghormati dan ikatan kerjasama telah mendorong perjanjian dimeterai iaitu Perjanjian Persahabatan pada 17 April 1959 di Kuala Lumpur.¹³ Perjanjian ini merupakan perjanjian pertama yang dimeterai selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada 1957, ditandatangani oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan Dr. Djuanda Kartawidjaja, Perdana Menteri Indonesia. Menurut Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia ketika itu, pembentukan Malaysia membuka satu babak baharu dalam hubungan Malaysia dengan Indonesia.¹⁴

Menyorot kepada awal hubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara jelas menunjukkan keharmonian dan kerancakan. Menurut Kunaseelan, statistik awal

¹⁰ Rohani Abd Ghani, 2003, *Konflik Serantau: Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963-1966*, dalam *Hubungan Luar Antarabangsa*. Siri Pendidikan. PTS, Bentong, 147-163, hlm. 147.

¹¹ Rustam A. Sani, 1988, “Malaysia Indonesia: Hubungan yang Mengelirukan”, *Dewan Masyarakat* Sept. No. 2006/0033336.

¹² Rohani Abd Ghani & Zulhilmi Paidi, 2010, *Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun*, dalam *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia"*, 13-15 July 2010, Hotel Bayview Langkawi, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad's, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 223-246, hlm. 228.

¹³ Ho Hui Ling, 2008, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia: Faktor dan Penyelesaian dalam Abdullah Zakaria Ghazali dan Zulkanain Abdul Rahman (ed.) Konflik Dunia Abad Ke-20*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1.

¹⁴ Nik Anuar Nik Mahmud, 2000, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, Jabatan Sejarah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 11.

perdagangan Indonesia-Malaysia menunjukkan lebih keuntungan melebihi \$200 juta setiap tahun,¹⁵ hal ini membuktikan betapa pesatnya hubungan perdagangan yang berlangsung sebelum terjadinya konfrontasi. Melihat kepada keuntungan yang diperoleh, Indonesia telah menjalankan penyelidikan dan kajian bagi melihat dan sekali gus mengenal pasti peluang-peluang yang ada untuk meluas dan melebarkan empayar perdagangan dengan wilayah Malaysia. Hasil statistik juga mendapati sejak daripada awal Indonesia telah banyak mengeksport hasil keluaran negara mereka untuk dipasarkan serta diproses di Malaysia. Malah kedudukan geografi yang berhampiran merancakkan lagi hubungan perdagangan untuk terus berlangsung. Hubungan keserumpunan menjadikan kerjasama ekonomi yang terjalin lebih mudah, teratur dan berpanjang.

Menurut Jabar, eksport Indonesia ke Malaysia melalui pelabuhan Pulau Pinang menunjukkan peningkatan iaitu daripada US\$ 20 juta pada 1938-1940 telah meningkat sebanyak US\$ 35 juta pada 1958-1960.¹⁶ Penjimatan masa, tenaga, kos dan kekurangan fasiliti di Indonesia mendorong Malaysia dijadikan salah satu lokasi utama bagi mengeksport hasil keluaran negara mereka. Jadi jelaslah sebelum terjadinya konfrontasi hubungan perdagangan yang wujud amat baik, aman dan harmoni. Namun bagaimanakah hubungan perdagangan antara kedua-dua buah negara selepas berkonfrontasi? Adakah masih kekal harmoni mahupun sebaliknya? Kajian ini bakal merungkai situasi tersebut.

¹⁵ Kunaseelan a/l Muniandy, "*Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*", hlm. 96.

¹⁶ Abdul Jabar Mohamad Ridi, "*Konfrontasi Republik Indonesia (R.I)- Malaysia 1963-1966*", hlm. 26.

Meskipun pada peringkat awal, hubungan ini kelihatan mesra dan Indonesia menyatakan sokongan terhadap rencana penubuhan Malaysia¹⁷ namun hubungan kekeluargaan tersebut telah berakhir setelah berlakunya percanggahan ideologi. Malaysia menjalankan dasar pemerintahan yang pro Barat dan antikomunis manakala Indonesia pula berteraskan kepada ideologi nasional sosialis yang mirip kepada Komunisme.¹⁸ Meskipun, pada peringkat awalnya kedua-dua buah negara ini digelar sebagai satu bangsa, kerana terdiri daripada bangsa Melayu namun akibat daripada penjajahan dan perbezaan ideologi serta kurangnya persefahaman dalam pemerintahan telah menyebabkan berlakunya konfrontasi. Pada peringkat awal kekeruhan hubungan yang berlaku hanya melibatkan bidang politik, lama kelamaan konflik tersebut telah berlanjutan sehingga melibatkan ketenteraan dan ekonomi.¹⁹ Wilayah Sabah dan Sarawak telah di ceroboh masuk oleh tentera Indonesia secara senyap-senyap sehingga mencetuskan peperangan. Pencerobohan tersebut berlaku pada 23 April 1963, didapati lebih kurang lapan hingga sepuluh orang tentera Indonesia telah menyerang pasukan keselamatan Malaysia yang bertugas di Perkampungan Gumbang, Bahagian Pertama Sarawak.²⁰

Sebenarnya konfrontasi Malaysia dan Indonesia dilancarkan oleh Sukarno ekoran daripada tuntutan Tunku Abdul Rahman, untuk menubuhkan Malaysia dengan menggabungkan Malaya, Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak²¹ di hadapan *Foreign Correspondent Association*, Hotel Adelphi, Singapura pada 17 Mei

¹⁷ M.S. Mitthel Vinco, 2008, "Kebijakan Pemerintahan Republik Indonesia Terhadap PGRS/Para 1963-1967", Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat, *Jurnal History*, Vol. 22, No 1, hlm. 2.

¹⁸ Rohani Abd Ghani dan Zulhilmi Paidi, 2010, *Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun*, hlm. 228-9.

¹⁹ *Berita Oxford*, No. 11, July 1965. No. 2006/0041801.

²⁰ Ho Hui Ling, *Konfrontasi Malaysia-Indonesia*, hlm. 2.

²¹ Joseph Chinyong Liow, 2005, *The Politics of Indonesia-Malaysia Relations One kin, Two Nations*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group, hlm. 97.

1961²² dengan dukungan British. Menurut Tunku Abdul Rahman penubuhan Malaysia mampu memerdekakan negeri-negeri ini tanpa melibatkan peperangan dan pertumpahan darah. Percantuman ini juga bakal menggalakkan lagi pelabur-pelabur asing untuk berdagang di Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, penubuhan Malaysia mendapat tentangan hebat daripada Indonesia dan Filipina, malah pemimpin kedua-dua negara ini beranggapan penubuhan Persekutuan Malaysia sebagai neo-kolonialisme bentuk baru²³ atau perluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar ke atas negara lain yang baharu merdeka terutamanya melalui tekanan ekonomi. Sukarno ada menyatakan bahawa:

*“We do not want to have neo-colonialism in our vicinity. We consider Malaysia an encirclement of the Indonesia Republic. Malaysia is the product of...neo-colonialism”.*²⁴

Pihak Komunis juga turut menyatakan bahawa Malaysia sebagai satu projek neo-kolonialisme.²⁵ Bagi Indonesia, penubuhan Malaysia juga merupakan satu agenda yang dirancang oleh kuasa Barat untuk memencil dan seterusnya mengawal Indonesia. Hal ini telah menyebabkan hubungan kedua-dua buah negara mulai terjejas. Kemarahan Sukarno dimulai dengan percubaan Tunku Abdul Rahman menjadi orang tengah dalam menyelesaikan isu Irian Barat yang berlaku antara Indonesia dan Belanda,²⁶ tindakan tersebut telah mendapat kecaman hebat daripada Sukarno. Akibat daripada tindakan tersebut Sukarno telah mengarahkan Dr. Subandrio, Menteri Luar Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia

²² Nik Anuar Nik Mahmud, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*, hlm. 9.

²³ Howard Palfrey Jones, 1971, *Indonesia: The Possible Dream*, New York: The Hoover Institution, hlm. 262.

²⁴ Howard Palfrey Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 269.

²⁵ Ucapan Mohd. Ghazali Syafie, “Communism & Sukarno’s Aggression”, 4 September 1964. No. 2007/ 0027099, hlm. 1.

²⁶ Rohani Abd Ghani, *Konflik Serantau: Konfrontasi Indonesia Malaysia 1963-1966*, hlm. 148.

pada 20 Januari 1963 di Jogjakarta,²⁷ dan diisytiharkan secara rasminya oleh Presiden Sukarno pada 3 Februari 1963. Bukan itu sahaja, hubungan Malaysia dan Filipina turut terjejas setelah Filipina menyuarakan tuntutan terhadap Sabah dengan menyatakan Sabah adalah sebahagian daripada Kesultanan Sulu. Tindakan yang sama turut dilakukan oleh Indonesia, pada 21 September 1963 selepas mesyuarat Komando Tertinggi Operasi Ekonomi (KOTOE) dilaksanakan, Presiden Sukarno telah memutuskan hubungan perdagangan dengan Malaysia dan menghidupkan semula aktiviti-aktiviti di pelabuhan Indonesia.²⁸

...dalam hal 'Malaysia' kami tak bisa menerima kompromi, apalagi kompromi yang tidak manis terhadap kita ini. Tidak mungkin persahabatan dengan Republik Indonesia di satu nafaskan dengan persahabatan dengan 'Malaysia'!...²⁹

Sepanjang tempoh tersebut berlaku pelbagai tindakan agresif Indonesia terhadap Malaysia sejajar dengan moto 'Ganyang Malaysia'³⁰ yang dikeluarkan pada 27 Julai 1963.³¹ Pada 13 April 1963 Sukarno telah menyediakan lebih kurang 21 juta sukarelawan yang berusia lingkungan 21 sehingga 29 tahun untuk 'Ganyang Malaysia'.³² Susulan itu, pelbagai protes telah dilancarkan oleh penduduk Indonesia misalnya mereka telah merosakkan bangunan kedutaan Malaysia manakala kedutaan British di Jakarta turut dibakar. Indonesia turut mengadakan dasar nasionalisasi sebagai tanda tentangan Indonesia terhadap penubuhan Malaysia. Buktinya pada 20 September 1963 kerajaan Indonesia telah mengambil alih perusahaan British yang

²⁷ Howard Palfrey Jones, *Indonesia: The Possible Dream*, hlm. 268.

²⁸ Kunaseelan a/l Muniandy, 1996, "*Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 196.

²⁹ Sukarno, 1986, *Amanat Proklamasi Pidato Pada Ulang Tahun Proklamasi Kemerdekaan Indonesia*, Jilid IV 1961-1966, Jakarta: Inti Idayu Press, Yayasan Pendidikan Soekarno, hlm. 144.

³⁰ 'Ganyang Malaysia' merupakan konfrontasi lanjutan yang lebih drastik dan berkemungkinan akan melibatkan perang.

³¹ Mohd Rodzi Abd Razak, 2001, "Gestapu dan Penyelesaian Konfrontasi Malaysia-Indonesia", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 28: 75-106, hlm. 75.

³² John M. Reinhardt, 1971, "Foreign Policy and National Integration: The Case of Indonesia", *Monograph Series No. 17/ Yale University Southeast Asia Studies*, hlm. 112.

sedia ada seperti syarikat minyak Shell, estet getah Dunlop dan Bank Perdagangan di Indonesia.³³ Tindakan agresif yang dilakukan oleh Sukarno telah menyebabkan akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh British dan Malaysia menganggap Sukarno sebagai ‘pengacau di darat’ dan ‘Hitler Asia’.³⁴ Konflik yang berpanjangan telah mendorong Malaysia mengambil tindakan memutuskan hubungan diplomatik dengan Indonesia. Manakala Tunku Abdul Rahman memberi jaminan untuk menanggung apa jua desakan dan ancaman daripada pihak Indonesia.

Konflik tercetus apabila kedua-dua buah negara memandang pelaksanaan dasar konfrontasi daripada perspektif yang berbeza.³⁵ Indonesia memandang Malaysia sebagai sebuah negara neo-kolonialisme. Neo-kolonialisme bermaksud dasar atau amalan yang dilakukan oleh sesebuah negara untuk meluaskan pengaruhnya ke atas sesebuah negara lain manakala kolonialisme pula perluasan pengaruh politik oleh sesebuah kuasa besar ke atas negara lain yang baharu merdeka terutamanya melalui tekanan ekonomi.³⁶ Melihat kepada definisi neo-kolonialisme tidak hairanlah jika Indonesia menganggap penubuhan Malaysia terdiri daripada agenda-agenda tersembunyi pihak British di Asia Tenggara dan bukanlah daripada suara-suara penduduk Malaya, Singapura, Brunei, Sarawak dan Sabah. Indonesia beranggapan Malaysia tidak merdeka sepenuhnya malah menjadi tali barut British untuk mengaut keuntungan ke atas sumber semula jadi di Asia Tenggara dan sekali gus mengekalkan pengaruh di rantau ini. Menurut pidato Sukarno beliau pernah menjelaskan “*kemakmuran itu wujud tetapi jika tidak ada kemerdekaan dan*

³³ Ho Hui Ling, Konfrontasi Malaysia-Indonesia, hlm. 12.

³⁴ Bernhard Dahm, terjemahan Abd Aziz Hitam dan Wan Azaham Wan Mohamad, 1988, *Sejarah Indonesia Abad Kedua Puluh*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 277.

³⁵ Mohd Sarim Mustajab dan G. Anantha Raman, 2003, “Sabah dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Pembinaan Nasion Malaysia*, Universiti Malaysia Sabah, hlm. 2.

³⁶ *Kamus Dewan Edisi ke-3*, hlm. 926.

demokrasi maka itu namanya kemakmuran kolonialisme, itu tandanya kolonialisme tulen, itu buktinya kolonialisme mentah-mentah dan telanjang”³⁷ dan penubuhan Malaysia dianggap sebagai kolonialisme British versi Asia.³⁸ Jadi menurut Sukarno penubuhan Malaysia harus ditentang dan konfrontasi wajar dijalankan.

Hal ini berbeza pula dengan sudut pandang Malaysia mengenai pelaksanaan konfrontasi. Malaysia beranggapan konfrontasi yang dilancarkan berkaitan dengan kegagalan Indonesia membentuk Indonesia Raya. Indonesia sebenarnya bercita-cita untuk memperluaskan wilayah mereka sebagai negara kesatuan di Asia Tenggara namun tidak berjaya menyempurnakan hasrat tersebut berikutan pergolakan dalaman yang berlaku dan tidak dapat dielakkan.³⁹ Sukarno menaruh harapan tinggi untuk menakluki wilayah yang mempunyai pelbagai sumber bahan mentah seperti Brunei yang kaya dengan minyak.⁴⁰ Kegagalan meluaskan wilayah ke Asia Tenggara mendorong Indonesia membantah penubuhan Malaysia. Secara natijahnya persengketaan yang berlaku telah memberi tekanan hebat kepada kedua-dua buah negara khususnya dalam bidang perdagangan⁴¹ sehingga menyebabkan volume berkurangan.

Persengketaan semakin jelas setelah Malaysia dipilih menjadi ahli tidak tetap Dewan Keamanan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada Disember 1964. Mendengar khabar Malaysia bakal menyertai PBB, Indonesia telah mengambil

³⁷ Sukarno, *Amanat Proklamasi Pidato Pada Ulang Tahun Proklamasi Kemerdekaan Indonesia*, hlm. 142.

³⁸ Eko Aprilianto, 2008, “Dinamika Hubungan Indonesia dengan Malaysia dan Kaitannya dengan Tanggungjawab Negara dalam Hukum Internasional”, Jakarta: Universitas Katolik Atma Jaya, Fakultas Hukum, *Jurnal Gloria Juris*, Vol. 8, hlm. 73.

³⁹ Mohd Sarim Mustajab dan G. Anantha Raman (ed.), “*Sabah dalam Konteks Pembinaan Nasion Malaysia*”, hlm. 2.

⁴⁰ Rohani Abd Ghani, 2012, *Malaysia Indonesia Kepelbagaian Sudut Pandang*, Kedah: Universiti Utara Malaysia Press, hlm. 13.

⁴¹ *Economic Report on Malaysia*, No. 1963/0011655.

keputusan untuk menarik diri daripada keanggotaan PBB pada 7 Januari 1965.⁴² Hal menunjukkan betapa kerasnya tindakan yang diambil oleh Indonesia untuk menentang segala macam bentuk politik kolonialisme pihak Barat. Keputusan yang diambil sedikit sebanyak telah mengejutkan pelbagai pihak, namun keputusan drastik tersebut perlu diteruskan. Menurut salah sebuah majalah yang dikeluarkan pada ketika itu, Malaysia telah menjadi alat imperialisme Amerika yang cuba mengeksploitasi Asia Tenggara sepenuhnya dengan cubaan menggunakan orang Asia untuk menentang Asia.⁴³ Pelbagai konflik yang berpanjangan dan berterusan telah mendorong Singapura mengambil keputusan untuk berpisah dengan Malaysia pada 9 Ogos 1965⁴⁴ manakala Brunei telah menarik diri pada 9 Julai 1963 maka penubuhan Malaysia hanya disertai oleh Malaya, Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun konfrontasi yang diwujudkan oleh Indonesia tidak berupaya menentang pembentukan Malaysia daripada terus berlaku. Berikut merupakan kajian lalu mengenai konfrontasi yang penting untuk diperlihatkan.

1.2 Kajian Lalu

Berdasarkan tesis ijazah pertama yang dihasilkan oleh Abdul Jabar Mohamad Ridi “*Konfrontasi Republik Indonesia (R-I)-Malaysia 1963-1966: Studi Awal Terhadap Konfrontasi Ekonomi dan Dampaknya*”.⁴⁵ Tesis ini merupakan satu-satunya kajian yang memberi fokus kepada bidang ekonomi semasa konfrontasi. Beliau menghuraikan situasi yang berlaku di Indonesia sebelum konfrontasi,

⁴² Abdullah Dahana, 2002, *China dan Malaysia dalam Arena Perang Dingin 1949-1974*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 132.

⁴³ Abdullah Dahana, *China dan Malaysia dalam Arena Perang Dingin 1949-74*.

⁴⁴ “Perpisahan Singapura dari Malaysia”, No. 1957/0464387.

⁴⁵ Abdul Jabar Mohamad Ridi, 1995, “Konfrontasi Republik Indonesia (R. I) - Malaysia 1963-1966: Studi Awal Terhadap Konfrontasi Ekonomi dan Dampaknya”, *Tesis Sarjana* (tidak diterbitkan) Fakultas Sastra, Universitas Indonesia.

menjelaskan mengenai keadaan ekonomi Indonesia yang kian membahayakan dan situasi inflasi yang kian mencengkam lebih-lebih lagi setelah konfrontasi dilancarkan. Selain itu, beliau juga menjelaskan reaksi Indonesia terhadap pembentukan Malaysia, kebanyakan rakyat Indonesia menentang habis-habisan dan menganggap Malaysia sebagai bayangan kuasa kolonial yang ingin menakluki Indonesia. Akhir sekali beliau turut menjelaskan mengenai kesan di sebalik konfrontasi yang berlaku. Beliau membahaskan, meskipun pelbagai sekatan ekonomi diadakan ke atas perdagangan Malaysia namun masih terdapat kuasa-kuasa yang berjaya menembusi pasaran. Justeru, jelaslah konfrontasi walau bagaimanapun tidak berupaya menyekat kegiatan perdagangan antara kedua-dua buah negara daripada terus berlangsung. Namun, meskipun kajian beliau menjurus kepada ekonomi namun data-data yang dinyatakan lebih cenderung kepada data yang diperoleh daripada Indonesia sahaja tanpa mengambil kira sudut pandang Malaysia manakala statistik perdagangan tidak pula dinyatakan secara terperinci.

Berdasarkan artikel yang ditulis oleh Ho Hui Ling 'Konfrontasi Malaysia-Indonesia: Faktor dan Penyelesaian'.⁴⁶ Beliau menekankan mengenai hubungan yang terjalin antara kedua-dua buah negara, perjanjian yang telah dicapai serta penyebab kepada berakhirnya perhubungan dua hala tersebut. Beliau juga turut merakamkan reaksi parti politik dan negara jiran terhadap pembentukan Malaysia. Faktor-faktor penentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia juga disentuh dalam penulisan ini, menurut beliau sikap Indonesia mulai berubah setelah pemberontakan Brunei mengalami kegagalan, selepas kejadian tersebut tentangan Indonesia terhadap pembentukan Malaysia semakin diperluas dan diperhebat. Selain itu, beliau turut menyatakan cara bagi menyelesaikan isu konfrontasi bagi merapatkan semula

⁴⁶ Ho Hui Ling, Konfrontasi Malaysia-Indonesia, hlm. 1-18.

hubungan kedua-dua buah negara terutamanya melalui rundingan secara rasmi mahupun tidak rasmi antara tiga pemerintah negara iaitu Tunku, Sukarno dan Macapagal di Manila. Walaupun begitu, artikel ini ternyata mempunyai kekurangan apabila tidak menyentuh langsung mengenai ekonomi yang berlangsung antara Malaysia-Indonesia sebelum, semasa dan selepas konfrontasi tercetus.

Selain itu, Nik Anuar Nik Mahmud dalam bukunya yang bertajuk “*Konfrontasi Malaysia Indonesia*”⁴⁷ menjelaskan mengenai awal penubuhan Malaysia sehinggalah rundingan perdamaian dilaksanakan. Penulisan buku ini telah menggunakan sumber daripada kerajaan British yang disimpan di *Public Record Office, Kew, England*. Beliau menjelaskan selepas Malaysia mencapai kemerdekaan Tunku Abdul Rahman telah menyuarakan pandangan bagi menyatukan Malaya, Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura ke dalam Malaysia atau *grand design*. Beliau juga turut menjelaskan mengenai rundingan ke arah penubuhan Malaysia. Walau bagaimanapun, gagasan Malaysia telah mendapat pelbagai reaksi khususnya Indonesia. Menurut beliau Indonesia pada peringkat tidak mempunyai halangan terhadap pembentukan Malaysia namun selepas Malaysia mencapai kemerdekaan telah wujud suara-suara tidak puas hati daripada pihak Indonesia dan Parti Komunis Indonesia (PKI). PKI cuba menghasut dan menyatakan pembentukan Malaysia adalah neo-kolonialisme yang cuba menguasai kepentingan sumber alam Brunei, Sabah dan Sarawak. Rentetan daripada peristiwa tersebut telah menyebabkan Indonesia melancarkan konfrontasi dan wilayah Malaysia telah di ceroboh masuk oleh tentera Indonesia. Keadaan tersebut mendorong Malaysia mengambil tindakan dengan membawa kes tersebut kepada Majlis Keselamatan, PBB. Selain itu, Nik Anuar juga turut menjelaskan mengenai pertemuan-pertemuan sulit antara Malaysia

⁴⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, 2000, *Konfrontasi Malaysia Indonesia*. Jabatan Sejarah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

dan Indonesia bagi menyelesaikan masalah konfrontasi yang kian meruncing. Konflik yang berpanjangan beransur reda selepas peristiwa 30 September 1965 (Gestapu), Sukarno terpaksa akur untuk menyerahkan kuasa kepada Suharto dan Perjanjian Damai antara Malaysia dan Indonesia telah dimeterai pada 11 Ogos 1966 di Jakarta, Indonesia. Selepas peralihan kuasa tersebut hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia beransur pulih malah semakin akrab. Berdasarkan penelitian, kajian Nik Anuar lebih membincangkan keadaan politik manakala faktor ekonomi tidak dijelaskan di dalam hasil penulisan beliau.

Berdasarkan kajian yang buat oleh J. A. C. Mackie dalam bukunya '*Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute*' menyentuh mengenai penglibatan kuasa-kuasa besar seperti Amerika Syarikat dan British dalam menyelesaikan konfrontasi yang berlaku antara Malaysia-Indonesia berdasarkan rekod-rekod British. Selain itu, beliau menyentuh mengenai latar belakang sejarah Malaysia-Indonesia, kerjasama diplomatik yang erat telah berakhir dengan konflik yang tidak dijangkakan sehingga memberi kesan kepada Malaysia dan menyebabkan berlakunya perubahan radikal kepada politik Indonesia.⁴⁸ Bukan itu sahaja beliau turut menjelaskan keadaan politik dalam negara Indonesia pada 1962-1963 permulaan kepada krisis Malaysia-Indonesia. Beliau turut memberi fokus kepada faktor-faktor terjadinya konfrontasi dan masalah yang timbul di sana sewaktu era Demokrasi Terpimpin berlangsung dan peristiwa G30/S telah menyebabkan kejatuhan Sukarno dan permulaan kepada pemerintahan Suharto. Bagi beliau terdapat empat perkara utama pencetus kepada propaganda iaitu Malaysia dianggap sebagai boneka neo-kolonialisme, pembentukan Malaysia bakal mengancam keamanan Indonesia dan perdamaian seluruh wilayah Asia Tenggara. Selain itu, pembentukan Malaysia bakal

⁴⁸ J. A. C. Mackie, 1974, *Konfrontasi: The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

melebarkan pengaruh imperialisme dan neo-kolonialis di Asia Tenggara dan yang terakhir sekali konfrontasi tercetus setelah Indonesia berasa terhina apabila Malaysia melanggar syarat Persetujuan Manila pada September 1963. Walau bagaimanapun penulisan beliau mengenai ekonomi adalah terbatas meskipun menyatakan pelabuhan Singapura turut mengalami kesan kenaikan harga akibat konfrontasi. Manakala statistik mengenai hubungan perdagangan bagi kedua-dua buah negara tidak pula dibahaskan.

Menurut Nik Anuar Nik Mahmud dalam artikelnya “*Preparing for the Worst: Menangani Dasar Konfrontasi Indonesia.*”⁴⁹ Menerusi artikel ini, beliau menjelaskan mengenai sebab-sebab mengapa Indonesia melancarkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia? Menurut beliau konfrontasi tercetus berikutan Malaysia telah memberi perlindungan terhadap pemberontak yang ingin menjatuhkan Indonesia, isu orang tengah dalam menyelesaikan Irian Barat dan kemuncaknya setelah Tunku Abdul Rahman menyuarakan pandangan untuk menubuhkan Malaysia dengan memasukkan Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura. Meskipun konfrontasi telah dikuatkuasakan namun penubuhan Malaysia masih tetap diteruskan sehingga mendorong Indonesia mengambil tindakan untuk memutuskan hubungan diplomatik dan berlanjutan kepada bidang ekonomi. Sukarno telah nekad dan berikrar untuk memusnahkan Malaysia sebagai sebuah negara yang baharu merdeka. Pelbagai pencerobohan telah dilaksanakan oleh Indonesia ke atas wilayah Malaysia sebagai tanda protes misalnya pendaratan tentera Indonesia di pantai Kukup, Pontian Besar dan Benut, Johor. Akibat daripada pencerobohan ini sebuah pasukan komando Malaysia pertama telah dibentuk dianggotai lebih kurang 258 orang, mereka ini ditugaskan untuk menyerang

⁴⁹ Nik Anuar Nik Mahmud, 2009, “Preparing for The Worst: Menangani Konfrontasi Indonesia”, dalam Azmi Ariffin, Abdul Rahman Haji Ismail dan Nik Haslinda Nik Hussain (penyt.), *Seminar Kebangsaan Sejarah Malaysia: Di mana Kebenarannya* Bahagian Sejarah Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara.

pangkalan tentera Indonesia. Beliau juga turut menjelaskan mengenai misi muhibah antara pemimpin Malaysia dan Indonesia yang diadakan secara rahsia. Pada 11 Ogos 1966 perjanjian pemulihan hubungan telah dicapai, dengan termeterainya perjanjian tersebut bererti tamatlah permusuhan antara Malaysia dan Indonesia yang telah berlangsung sejak sekian lama. Penulisan beliau banyak menyentuh mengenai sebab konfrontasi tercetus serta serangan yang dilancarkan ke atas Malaysia namun dalam artikel ini beliau tidak menjelaskan aspek ekonomi mahupun kesan yang dihadapi oleh Malaysia-Indonesia dalam konflik tersebut sedangkan konfrontasi Malaysia melibatkan politik, ketenteraan dan ekonomi.

Selain itu, menurut Syed Othman Syed Omar dalam bukunya "*Tentera Malaysia dalam Era Konfrontasi*"⁵⁰ beliau memberi fokus khusus kepada sejarah penubuhan Malaysia dan juga sebab-sebab tercetusnya konfrontasi antara kedua-dua buah negara. Selain itu, beliau turut membahaskan mengenai pasukan-pasukan ketenteraan yang terlibat sepanjang konfrontasi berlangsung seperti sejarah awal setiap batalion Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD), peristiwa-peristiwa yang tercetus semasa operasi pasukan keselamatan di Borneo, Sarawak, Johor dan Singapura. Beliau juga, cuba membawa satu pembaharuan dengan menulis mengenai kejayaan pasukan keselamatan RAMD yang bertanggungjawab semasa konfrontasi, menceritakan peristiwa yang berlaku di daerah-daerah kritikal dan pengalaman yang diperoleh oleh anggota penyelamat dalam misi ketenteraan yang berlangsung pada tahun-tahun genting tersebut. Kajian mengenai peranan Angkatan Tentera Malaysia ini sememangnya sukar kerana dianggap sulit dan tidak boleh disebarikan kepada pengetahuan umum. Jelas, kajian beliau lebih tertumpu kepada peranan angkatan

⁵⁰ Syed Othman Syed Omar, 1999, *Tentera Malaysia dalam Era Konfrontasi*, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

tentera namun ternyata buku ini mempunyai kekurangannya apabila tidak menyentuh mahupun membincangkan mengenai ekonomi semasa konfrontasi berlangsung.

Di samping itu, penulisan Kunaseelan a/l Muniandy dalam "*Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*"⁵¹ ternyata lebih menyeluruh berbanding tulisan-tulisan lain. Beliau memulakan penulisan dengan menjelaskan latar belakang hubungan awal antara Malaysia dan Indonesia yang disifatkan seperti adik dan abang. Menjalinkan hubungan yang sangat erat tanpa sebarang pertelingkahan sehinggalah Tunku menyuarakan pembentukan Malaysia. Namun hubungan tersebut diakhiri oleh konflik yang berpanjangan sehingga menyebabkan hubungan diplomatik terputus. Selain itu, beliau juga membahaskan mengenai hubungan Malaysia-Indonesia semasa konfrontasi berlangsung, pemutusan hubungan ekonomi semasa konfrontasi dan usaha-usaha pemulihan. Beliau juga turut membahaskan hubungan Malaysia-Indonesia daripada segi hubungan politik, ekonomi, sosial, keselamatan dan sebagainya selepas daripada kemelut konfrontasi sehingga 1970. Namun begitu penulisan beliau hanya membincangkan sepintas lalu mengenai hubungan ekonomi, tiada penekanan secara terperinci mengenai ekonomi yang dibahaskan memandangkan kajian beliau lebih berfokuskan politik.

Isu mengenai Malaysia-Indonesia turut diperkatakan oleh Rohani Abd. Ghani dan Zulhilmi Paidi dalam artikelnya yang bertajuk "Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun".⁵² Menggunakan sumber artikel daripada rekod-rekod British. Kajian beliau tertumpu kepada ciri-ciri keserumpunan antara Malaysia dan Indonesia. Jarak yang berdekatan membuatkan kedua-dua negara mempunyai

⁵¹ Kunaseelan a/l Muniandy, 1996, "*Hubungan Malaysia Indonesia 1957-1970*", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁵² Rohani Abd Ghani dan Zulhilmi Paidi, 2010, Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun dalam *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010)* "Political Managements and Policies in Malaysia", 13-15 July 2010, Hotel Bayview Langkawi, Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad's, Universiti Utara Malaysia, Sintok, 223-246.

persamaan dalam pelbagai segi khususnya penggunaan Bahasa Melayu. Beliau juga menjelaskan mengenai asal usul Bahasa Melayu itu sendiri apabila bahasa tersebut telah muncul sebagai satu bahasa *lingua franca* di kepulauan Melayu pada abad ke-13 Masihi (M) lagi. Menurut beliau, perkembangan Bahasa Melayu sebagai *lingua franca* telah menggambarkan identiti hubungan antara Malaysia dan Indonesia. Selain itu, beliau turut menjelaskan mengenai hubungan yang terjalin antara Malaysia dan Indonesia sebelum 1963. Pada waktu ini tergambar keakraban kedua-dua buah negara, Indonesia nyata mendapat tempat yang istimewa dalam hubungan luar Malaysia.

Namun begitu, hubungan ini diselang seli dengan beberapa konflik yang tidak dijangkakan misalnya berkenaan dengan kawalan Indonesia ke atas pengairan Selat Melaka. Indonesia juga berusaha untuk campur tangan dalam hal ehwal politik Malaysia dan hal ini menampakkan usaha Indonesia untuk meluaskan pengaruh di Malaysia. Konflik tersebut menjadi penyebab hubungan kedua-dua buah negara mulai renggang. Beliau juga, ada menyentuh mengenai faktor teretusnya konfrontasi antara Malaysia-Indonesia. Konfrontasi teretus setelah rancangan penubuhan Malaysia dikatakan satu agenda Barat yang cuba untuk mengepung Indonesia, manakala Malaysia sebagai pengikut setia Barat yang disifatkan neo-kolonialisme dan neo-imperialisme. Akibat rasa tidak puas hati tersebut Indonesia telah melancarkan pelbagai serangan ke atas Malaysia iaitu lebih kurang 50 serangan dengan mendaratkan sukarelawan-sukarelawan Indonesia di wilayah Malaysia. Pada peringkat pasca konfrontasi, Malaysia dan Indonesia telah menandatangani Perjanjian Pemulihan Persahabatan, selepas normalisasi dijalankan hubungan yang lebih erat telah terjalin dalam hubungan Malaysia-Indonesia. Penulisan beliau banyak menyentuh mengenai politik dan ketenteraan, pelbagai serangan sebagai

tanda protes telah dilakukan oleh Indonesia namun beliau tidak pula menyentuh mengenai ekonomi.

Dalam artikel Mohamad Rodzi Abd. Razak “Gestapu dan Penyelesaian Konfrontasi Malaysia-Indonesia”⁵³ beliau turut membahaskan mengenai krisis yang berlaku antara Malaysia dan Indonesia. Menjelaskan langkah-langkah penyelesaian yang harus diambil bagi menghentikan konflik dengan serta merta. Justeru dengan teretusnya peristiwa Gestapu, konflik yang selama ini membelenggu kedua-dua buah negara telah berjaya dihapuskan dan bermakna pengakhiran bagi pemerintahan Sukarno dan permulaan kepada pemerintahan Suharto. Artikel ini lebih memberi fokus kepada pelaksanaan Gestapu dan cara menyelesaikan konflik kedua-dua buah negara namun beliau tidak pula menyentuh mengenai aspek ekonomi semasa konfrontasi.

Melihat kepada penulisan James P. Ongkili dalam ‘*Modernization in East Malaysia 1960-1970*’ mengkaji mengenai program pemodenan Sabah dan Sarawak. Beliau menjelaskan mengenai tawaran yang dibuat oleh Tanah Melayu untuk memasukkan Sabah dan Sarawak ke dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu atau dikenali dengan nama Malaysia.⁵⁴ Menurut beliau penduduk Sabah dan Sarawak pada ketika itu mempunyai pengetahuan yang singkat mengenai politik malah kebanyakan pemerintah yang ada kurang berpengalaman untuk membincangkan perihal tersebut sehingga mendorong rakyat Sabah dan Sarawak pada peringkat awalnya menolak untuk menyertai Tanah Melayu. Kesedaran politik rakyat Sabah dan Sarawak beransur-ansur berkembang setelah mereka bersetuju untuk

⁵³ Mohd Rodzi Abd Razak, 2001, “Gestapu dan Penyelesaian Konfrontasi Malaysia-Indonesia”, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, Vol. 28: 75-106.

⁵⁴ James Ongkili, 1972, ‘*Modernization in East Malaysia 1960-1970*’, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

menyertai Malaysia meskipun mengambil masa berbulan-bulan untuk meyakinkan Sabah dan Sarawak bahawa pembentukan Malaysia adalah demi menjaga kepentingan dan dikatakan sebagai tempoh kemajuan bagi wilayah tersebut. Selain itu beliau juga turut menjelaskan secara ringkas mengenai konfrontasi yang berlaku antara dua negara kejiiran iaitu Malaysia dan Indonesia apabila Indonesia berkeras menentang kemasukan Sabah dan Sarawak dalam Malaysia, hal ini telah menyebabkan Indonesia melancarkan konfrontasi dan permasalahan itu telah menyebabkan perjanjian Komanwel dimeterai. Beliau juga ada menjelaskan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah setelah pembentukan Malaysia, keadaan pentadbiran di Sabah dan Malaysia serta struktur parti-parti politik yang terdapat di sana. Turut disentuh mengenai pembangunan sosio-ekonomi Malaysia pada 1964-1965 sehingga mendorong bantuan kewangan diberikan kepada Sabah dan Sarawak untuk tujuan pembangunan. Malah kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Malaysia telah berjaya mengembangkan ekonomi negara dan pemantauan telah diadakan dari semasa ke semasa demi menjamin kestabilan Sabah dan Sarawak terus terpelihara. Walau bagaimanapun analisis mengenai hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia tidak pula dinyatakan oleh beliau.

Hasil perbincangan Peter Dennis dan Jeffrey Grey dalam tulisannya yang bertajuk 'Emergency and Confrontation Australian Military Operations in Malaya and Borneo 1950-1966'⁵⁵ menjelaskan mengenai peranan aktif yang dimainkan oleh tentera-tentera Australia ketika zaman Darurat yang berlaku pada 1948-1960 dan konfrontasi yang tercetus melibatkan Malaysia-Indonesia menjelang 1962-1966. Kemasukan komunis ke Tanah Melayu merupakan sejarah hitam yang tidak boleh dilupakan oleh seluruh penduduk Tanah Melayu. Beliau menjelaskan bagaimana

⁵⁵ Peter Dennis dan Jeffrey Grey, 1996, *Emergency and Confrontation: Australian Military Operations in Malaya and Borneo 1950-1966*, Allen & Unwin Pty Ltd.

Australia telah bersama-sama dalam menentang pengaruh komunis, pelbagai latihan dan rondaan diadakan sehingga akhirnya komunis berjaya dikalahkan. Selain itu beliau juga turut menyatakan bahawa perjanjian AMDA yang telah ditandatangani sebelum ini telah mendorong Australia untuk turut campur tangan dalam konflik konfrontasi Malaysia-Indonesia. Australia menganggap tindakan yang dilakukan itu sebagai cubaan menyelesaikan konflik yang membelenggu kedua-dua buah negara. Hal ini menunjukkan betapa aktifnya peranan yang dimainkan oleh Australia pada ketika itu. Namun begitu kajian mengenai ekonomi mahupun hubungan perdagangan antara Malaysia-Indonesia tidak pula disentuh oleh beliau berikutan penulisan ini lebih tertumpu kepada peranan yang dimainkan oleh Australia ketika darurat dan konfrontasi.

Kajian James Ongkili dalam *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*⁵⁶ menjelas dan menganalisis mengenai sambutan yang ditunjukkan oleh keseluruhan rakyat Sabah, Sarawak dan Brunei untuk menyertai Persekutuan Tanah Melayu seperti yang disuarakan oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau juga cuba menyampaikan mengenai rasa kurang senang Borneo dalam menyertai Malaysia setelah Filipina membuat tuntutan terhadap wilayah tersebut. Namun setelah mempertimbangkan segala kepentingan yang ada Borneo telah bersetuju menyertai Persekutuan Tanah Melayu menjelang 1963. Selain itu, beliau juga turut menghuraikan mengenai perkembangan politik di Borneo serta penerimaan bersyarat wilayah tersebut dalam menyertai Malaysia. Meskipun begitu penulisan beliau tidak menyentuh mengenai ekonomi yang berlangsung antara Malaysia dan Indonesia semasa konfrontasi malah memberi fokus kepada reaksi rakyat Borneo dalam episod menyertai Malaysia.

⁵⁶ James Ongkili, 1967, *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*, Singapore, Donald Moore Press.

Berdasarkan kajian lalu jelas menunjukkan bahawa apabila menyentuh mengenai konfrontasi, tumpuan kajian akan menjurus kepada politik dan ketenteraan manakala penekanan kepada aspek ekonomi jelas amat kurang sama sekali. Jika adapun penulisannya lebih menjurus kepada data Indonesia manakala data Malaysia seolah-olah terpinggir. Justeru jelaslah bahawa pengkaji-pengkaji sebelum ini nyata telah mengabaikan satu bidang yang sangat penting semasa membahaskan mengenai konfrontasi iaitu ekonomi yang sememangnya memainkan peranan penting dalam menentukan hubungan perdagangan negara. Berikut merupakan permasalahan kajian yang terdapat di dalam tesis ini.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan kajian lalu yang dibuat, beberapa persoalan mengenai konfrontasi khususnya dalam bidang ekonomi telah menarik perhatian sehingga mendorong kajian yang lebih mendalam mengenainya diperluaskan. Permasalahan yang ditemui dalam penulisan tesis ini sejak konsep ‘Ganyang Malaysia’ diperkenalkan Indonesia telah melarang rakyatnya menjalankan sebarang bentuk urus niaga dengan Malaysia sebagai satu cara memprotes penubuhan Malaysia. Menurut Adam Malik, Menteri Luar Indonesia yang telah dilantik menjadi perunding dengan Malaysia menyatakan konsep ‘Ganyang Malaysia’ sedikit sebanyak menyebabkan Indonesia mengalami kemelesetan ekonomi dan berlaku peningkatan inflasi. Justeru kajian ini akan menjelas dan menghuraikan mengenai keadaan sebenar hubungan perdagangan yang berlaku antara kedua-dua buah negara. Melihat sama ada hubungan ekonomi turut mendapat nasib yang sama seperti mana diplomatik ataupun sebaliknya.

Permasalahan berikutnya hasil kajian mendapati konfrontasi yang tercetus telah merebak kepada pertempuran secara fizikal sehingga menyebabkan hubungan diplomatik terputus. Adakah hubungan ekonomi semasa konfrontasi juga menunjukkan pola yang sama seperti konfrontasi politik dan ketenteraan atau mempunyai bentuknya yang tersendiri? Melihat sama ada setelah konfrontasi tercetus hubungan perdagangan kedua-dua buah negara masih lagi baik, terputus mahupun masih rancak berlangsung dan berkesinambungan? Hubungan perdagangan yang dimaksudkan meliputi eksport import dan semua yang berkaitan dengan ekonomi antara kedua-dua buah negara. Kajian ini juga akan mengkaji bagaimana pola konfrontasi ekonomi serta menjelaskan apakah kesan-kesan yang dialami oleh kedua-dua buah negara akibat konfrontasi? Walau bagaimanapun bagi mengelak berlakunya sebarang kekeliruan, kajian tidak akan melibatkan Singapura memandangkan negara tersebut telah keluar daripada Malaysia pada 1965. Berikut merupakan objektif kajian yang menjadi inti pati penting dalam penulisan ini.

1.4 Objektif Kajian

1. Mengkaji dan menghuraikan mengenai perjalanan dan hubungan perdagangan Malaysia-Indonesia dari aspek ekonomi sebelum, semasa dan selepas konfrontasi.
2. Membincang dan menganalisis pola konfrontasi ekonomi sama ada menyerupai pola politik dan ketenteraan ataupun mempunyai pola yang tersendiri.
3. Menganalisis dan meninjau kesan konfrontasi ekonomi yang dialami oleh kedua-dua buah negara selepas berlakunya konfrontasi.

1.5 Signifikan Kajian

Berdasarkan penelitian daripada kajian yang lepas, didapati belum adanya kajian yang memberi fokus kepada hubungan perdagangan semasa konfrontasi. Jika adapun penulisannya hanya berfokuskan kepada konfrontasi politik dan ketenteraan sahaja manakala mengenai ekonomi hanya dihuraikan secara ringkas dan sepintas lalu sahaja. Justeru melihat kepada kekosongan tersebut penting bagi tesis ini untuk menghuraikan berkenaan hubungan perdagangan yang berlangsung sebelum, semasa dan selepas konfrontasi.

Lebih-lebih lagi apabila tumpuan kajian ini adalah berbeza daripada kajian yang dilakukan oleh penyelidik-penyelidik sebelumnya. Oleh hal demikian, sumber-sumber yang diperoleh haruslah tepat dan mencukupi agar analisis dapat dijalankan manakala ketepatan data tidak diragui. Melihat kepada kekurangan tersebut, data-data yang di kumpul dalam penulisan ini diharapkan dapat mengisi kelompangan pada kajian- kajian sebelumnya. Berikut merupakan skop kajian dalam penulisan ini.

1.6 Skop Kajian

Memandangkan kajian hubungan perdagangan semasa konfrontasi belum lagi di kaji oleh mana-mana pihak maka adalah penting kajian ini dibahaskan bagi mengetahui apakah keadaan sebenar eksport import yang berlaku ke atas ekonomi kedua-dua buah negara sepanjang tempoh tersebut? Menyentuh kepada batasan tahun, kajian lebih cenderung memberi penekanan kepada tahun berlangsungnya konfrontasi iaitu pada 1963-1966. Namun begitu, bagi melihat perubahan yang jelas, kajian dipecahkan kepada tiga bahagian utama iaitu sebelum, semasa dan selepas